

15 OCT 2002

MANILA BELUM MEMBALAS PERMOHONAN MAAF, KATA KEDUTAAN

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Manila masih belum membalas permintaan supaya kerajaan Filipina memohon maaf kepada Malaysia berikutan tindakan tergesa-gesanya berhubung dakwaan gadis berusia 13 tahun yang dia dirogol semasa ditahan di pusat tahanan sementara di Sabah.

Kuasa Usaha Kedutaan Filipina di sini, Luis Cruz, semasa dihubungi Bernama hari ini berkata beliau telah menghantar laporan akhbar mengenai permintaan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar terhadap perkara itu menerusi faks ke Manila tetapi masih belum menerima sebarang jawapan.

Beliau diminta mengulas kenyataan Syed Hamid semalam yang meminta kerajaan Filipina memohon maaf kepada Malaysia berikutan tindakan tergesa-gesanya berhubung dakwaan itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga membuat permintaan yang sama hari ini.

Cruz berkata setakat ini, beliau tidak tahu mengenai permintaan oleh Dr Mahathir.

Dakwaan rogol itu mendapat perhatian Dr Mahathir selepas Presiden Gloria Arroyo mengutuskan surat kepada beliau meminta kerajaan Malaysia menyiasat dakwaan berkenaan memandangkan gadis bawah umur terbabit dikatakan rakyat Filipina.

Polis telah mengesahkan bahawa gadis itu merupakan rakyat Malaysia dan bukannya Filipina seperti yang dilaporkan.

-- BERNAMA

AFY AHH ROS